

Lelaki bergelang merah jambu makan di restoran ditahan

Kuala Lumpur: Seorang lelaki bergelang merah jambu, ditahan kerana melanggar syarat kuarantin Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKKP) COVID-19 di Bandar Tasik Puteri, Rawang dekat sini, malam kelmarin.

Lelaki berusia 52 tahun yang tinggal di Bandar Tasik Puteri itu, ditahan ketika makan di sebuah restoran oleh sepasukan anggota polis pada jam 7.30 malam, susulan aduan orang awam.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Arifai Tarrawe, berkata semakan mendapati lelaki berkenaan mendapat arahan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menjalani kuarantin di rumah bermula semalam hingga 16 Oktober ini.

"Lelaki itu sudah menjalani ujian saringan COVID-19 selepas tiba dari Kota Kinabalu, Sabah dengan satu penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) semalam (kelmarin) dan keputusan ujian masih belum diterima.

"Justeru kita tangkap dia kerana melanggar perintah pengawasan dan pemerhatian bagi kontak jangkitan penyakit COVID-19 mengikut Seksyen 15(1) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit

1988," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Arifai berkata, proses reman terhadapnya akan dijalankan di bilik khas yang disediakan di Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak.

Katanya, siasatan kes dijalankan mengikut Seksyen 269 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan sebarang perbuatan dilakukan menyebabkan merebaknya penyakit membahayakan nyawa.

Siasatan turut dijalankan mengikut Seksyen 22(b) Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988/ Peraturan 11 Peraturan-peraturan Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam kawasan tempatan jangkitan) (No 8) 2020.

"Perbuatannya yang tidak mematuhi arahan menjalani kuarantin jelas boleh menggusarkan masyarakat sekitar.

"Justeru, kita nasihatkan orang ramai mematuhi perintah menjalani kuarantin seperti diarahkan KKM bagi memastikan keselamatan mereka, keluarga serta orang lain," katanya.

Arifai berkata, polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak melanggar perintah kuarantin.



Anggota polis melakukan pemeriksaan ke atas lelaki bergelang merah jambu di sebuah restoran di Bandar Tasik Puteri, malam kelmarin.